

12 APR 2002

Mahathir-MCA

PERDANA MENTERI AKAN TEMUI PRESIDEN DAN TIMBALAN PRESIDEN MCA

KOTA BAHARU, 12 April (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan mengadakan pertemuan dengan Presiden MCA Datuk Seri Dr Ling Liong Sik dan timbalannya Datuk Lim Ah Lek bagi menyelesaikan masalah pertelingkahan dalam parti komponen Barisan Nasional (BN) itu.

Dr Mahathir, yang dalam lawatan rasmi sehari ke Kelantan hari ini, berkata pertemuan dengan kedua-dua pemimpin tertinggi MCA itu akan dibuat "bila-bila" sahaja.

"Saya bercadang untuk bertemu, bila-bilalah," katanya kepada pemberita di sini.

Semalam, Lim yang mengetuai Team B mengakui hubungannya dengan Dr Ling dari Team A, sudah retak berpunca daripada masalah dalam parti yang berlarutan hingga memecahkan parti itu kepada dua kumpulan.

Perkembangan terbaru krisis MCA itu ialah kumpulan yang diketuai Lim bercadang untuk meneruskan Mesyuarat Agung Luar Biasa (EGM) pada 21 April ini di Pusat Dagangan Dunia Putra di Kuala Lumpur.

Merujuk kepada krisis itu, Dr Mahathir yang juga Pengerusi BN berkata perselisihan faham berkenaan tidak mendatangkan faedah.

"Saya fikir, perselisihan faham macam ini tidak mendatangkan faedah dan saya percaya mereka boleh selesaikan perkara ini dengan cara rundingan," katanya.

Berhubung perjumpaannya dengan Badan Perhubungan Umno Kelantan yang diketuai oleh pengerusinya Datuk Mustapa Mohamed, Dr Mahathir berkata ia adalah pertemuan biasa.

"Ialah nak tahu, macam mana kita nak boleh menang di Kelantan ini," katanya.

Ditanya tentang isu Umno Kelantan mengenai usaha beberapa ketua bahagian Umno di Kelantan untuk menggulingkan Mustapa sebagai ketua seperti yang dilaporkan media, Dr Mahathir berkata: "Itu tak kira, itu isu saja, kita tak ada masalah. Kita boleh selesaikan perkara itu, isu dalam, dalam keluarga".

Mengenai laporan akhbar hari ini bahawa pengurusan Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM) sedang disiasat Badan Pencegah Rasuah (BPR), Perdana Menteri berkata kerajaan akan menunggu laporan siasatan BPR.

"Kalau ada kes, mereka (BPR) terpaksa menjalankan tindakan yang sewajarnya," katanya.

BPR dilaporkan menyiasat pengurusan AIM kerana dipercayai menyalurkan berpuluh-puluh juta ringgit dari akaun dana Sahabat AIM untuk kegunaan pentadbirannya secara tidak sah sejak beberapa tahun lepas.

Kerajaan dilaporkan menyalurkan sebanyak RM300 juta kepada AIM dalam Rancangan Malaysia Ketujuh dan Rancangan Malaysia Kelapan.

Dana itu sepatutnya digunakan untuk membantu penduduk miskin.

Perdana Menteri, sejurus selepas tiba di Kelantan, mengadakan perjumpaan dan sesi dailog selama dua jam dengan 1,500 pegawai-pegawai kerajaan Persekutuan di Kelantan di Kampus Kesihatan, Universiti Sains Malaysia, Kubang Kerian, di sini.

Selepas itu, Dr Mahathir mengadakan perjumpaan selama sejam dengan Jawatankuasa Badan Perhubungan Umno Kelantan di kampus itu.

-- BERNAMA

RAR NAK